

14 OCT 1996

ANWAR DENGAR TAKLIMAT MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini diberi taklimat mengenai pembinaan Masjid Wilayah Persekutuan bernilai kira-kira RM200 juta di bekas tapak Mahkamah Sesyen di Jalan Duta di sini.

Taklimat oleh empat kontraktor yang terlibat dengan pembinaan masjid itu turut dihadiri para pegawai Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, kata seorang pegawai kepada Timbalan Perdana Menteri.

Katanya, Anwar dimaklumkan bahawa masjid yang dijadikan pusat pembangunan Islam di rantau ini boleh memuatkan kira-kira 10,000 jemaah pada satu-satu masa.

Seorang pakar seni ukiran berbangsa Amerika-Muslim yang berpusat di India bertanggungjawab menghasilkan seni reka Islam pada masjid itu. Kubah masjid itu akan dibina oleh sebuah konsortium bumiputera.

Antara kemudahan di masjid itu, yang mula dibina awal tahun ini ialah sekolah, dewan kuliah dan tadika.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini telah membuat beberapa cadangan sewaktu menghadiri taklimat mengenai pembinaan masjid itu.

-- BERNAMA

MAM AHH